

## 2016 SPM SEJARAH (KERTAS 3)

Dasar luar negara **tidak statik**. Secara asasnya, pembentukannya ialah proses yang **dinamik**. Oleh itu, dasar luar negara kita berkembang dengan **mengambil kira perubahan kepimpinan** serta **keadaan politik dan ekonomi global yang sentiasa berubah**.

Sumber : [www.kln.gov.my/web/guest](http://www.kln.gov.my/web/guest)

### 1. Pengenalan

#### Maksud Dasar Luar

Dasar luar negara bermaksud dasar kerajaan terhadap negara-negara lain. Dasar luar dapat didefinisikan sebagai matlamat, rancangan dan tindakan yang dijalankan oleh sesebuah negara dalam usaha untuk berhubung dengan sesebuah negara yang lain. Urusan dasar luar negara dibawah kuasa **Wisma Putra**

#### Matlamat dasar Luar Malaysia / Kepentingan

Malaysia mempunyai dasar luar yang tersendiri iaitu berbaik-baik dengan semua negara. Antara matlamat dasar luar Malaysia ialah menjamin keselamatan rakyat dan negara, memelihara kepentingan nasional dan mengekalkan kedaulatan negara. Selain itu ia juga menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta mengekalkan keamanan melalui kerjasama antarabangsa. Selain itu dasar luar negara juga adalah untuk menjadi warga global yang bertanggungjawab dan peka terhadap usaha memupuk kesejahteraan dunia.

#### Bentuk Dasar Luar Malaysia / Bentuk Hubungan Luar

##### (i) Hubungan Bilateral

Bilateral merujuk kepada **hubungan secara terus** dengan negara tertentu, sebagai contoh hubungan Malaysia dengan negara **jiran** seperti Indonesia. Hubungan luar juga diadakan dengan negara **Asia** yang lain, Amerika Latin, Afrika serta negara **maju** seperti Britain.

##### (ii) Hubungan Multilateral

Hubungan multilateral ialah hubungan dalam **bentuk kumpulan** dan pertubuhan seperti ASEAN, Komanwel, OIC dan sebagainya.

## 2. Asas/Faktor-faktor penggubalan dasar luar Malaysia

### Faktor Sejarah

Sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka telah terjalin hubungan dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan Kepulauan Melayu. Hubungan luar ini dalam bentuk **hubungan perdagangan**. Pada masa ini telah terjalin **hubungan Melayu serumpun** di Kepulauan Melayu termasuklah Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia. Selepas merdeka, Malaysia menyertai pertubuhan **Komanwel** seperti Australia dan New Zealand dan meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain, Australia dan New Zealand. Pada masa Malaysia diancam oleh fahaman komunis (PKM) yang menggugat keselamatan negara mendorong Malaysia mengamalkan dasar luar yang pro-Barat dan antikomunis. Malaysia juga perlu bergantung kepada negara Barat kerana belum mampu dari segi pertahanan.

### Faktor Ekonomi

Malaysia mengamalkan ekonomi **pasaran bebas** dan dengan itu berbaik-baik dengan negara-negara lain untuk memajukan ekonomi. Pada zaman penjajah, Malaysia yang merupakan pengeluar getah dan bijih timah telah menjalin hubungan dengan Britain dan Amerika Syarikat. Setelah merdeka, Malaysia masih memerlukan **pasaran dan modal** dari negara-negara tersebut. Selain itu Malaysia mengambil beberapa langkah bagi menggalakkan pelaburan asing. Ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi negara dan menyediakan peluang pekerjaan. Selain itu menjelang tahun 1980-an, melalui **Dasar Pandang ke Timur**, pelaburan asing digalakkan dari negara-negara Timur iaitu Jepun dan Korea Selatan. Pada masa yang sama Malaysia juga menjalin hubungan baik dengan negara-negara sedang membangun dan negara Islam bagi meningkatkan pasaran barangan keluaran Malaysia dan mengadakan pelaburan di negara tersebut.

### **Faktor politik**

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan **demokrasi** berparlimen, Malaysia berhak menentukan hala tuju masa depannya sendiri berdasarkan prinsip-prinsip keamanan sejagat. Dasar luar Malaysia juga menekankan **pemeliharaan kedaulatan** negara-negara lain. Contohnya dasar Malaysia yang menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di rantau Asia Barat. Malaysia juga berpegang teguh pada prinsip-prinsip dan Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (**PBB**) bagi memelihara keamanan dunia. Oleh itu Malaysia tegas dengan pendiriannya menyokong semua resolusi yang telah diambil oleh PBB bagi mencapai dan mengekalkan keamanan dunia.

### **Faktor Geografi**

Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik di Asia Tenggara dan **bersempadan** dengan negara seperti Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina dan Brunei. Perairannya juga menjadi laluan utama kapal-kapal perdagangan di dunia. Dengan itu, keselamatan negara serantau akan mempengaruhi dan meninggalkan kesan terhadap keselamatan Malaysia.

### **Faktor Demografi**

Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Islam sejajar dengan penduduknya yang **majoriti beragama Islam**. Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara **Israel** disebabkan dasar negara berkenaan menceroch dan menindas peribumi Palestin. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama diberikan kebebasan sepenuhnya untuk mengamalkan budaya hidup dan agama masing-masing. Amalan konsep perpaduan dan sikap komited terhadap hak asasi manusia menyebabkan Malaysia menentang keras **Dasar Aparteid** yang diamalkan di Afrika Selatan. Malaysia juga tidak mengadakan sebarang hubungan diplomatik dengan negara berkenaan sehinggalah undang-undang Dasar Aparteid itu dihapuskan oleh kerajaan Afrika Selatan. Oleh itu, faktor kepelbagaian kaum di negara ini amat mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia.

### 3. Perkembangan dasar luar Malaysia.

#### (i) Tahap Pertama : Tunku Abdul Rahman (1957-1970)

Dasar luar Malaysia pada tahap pertama memperlihatkan dasar **pro-Barat** yang **antikomunis** serta dasar berbaik-baik dengan negara jiran dan Komanwel. Dasar luar berkenaan dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman disebabkan faktor politik, ekonomi dan sosial. Faktor politik merujuk pada ancaman komunis di negara-negara Asia Tenggara dan juga di dalam negara melalui Parti Komunis Malaya. Oleh itu, Malaysia memerlukan bantuan pertahanan daripada negara-negara Komanwel terutama Britain, Australia dan New Zealand.

Bagi menyekat perkembangan pengaruh Komunis, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Pertahanan Inggeris-Tanah Melayu atau Anglo-Malayan Defence Treaty (AMDA) pada tahun 1956. Mengikut perjanjian ini pihak British akan memberikan bantuan kepada Malaysia sekiranya diserang oleh mana-mana negara.

Di samping itu, dasar luar Malaysia juga adalah **berbaik-baik dengan negara jiran**. Hal ini disebabkan timbulnya krisis dengan negara jiran terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan seperti konfrontasi dengan Indonesia (1963-1965), terputusnya hubungan dengan Filipina (1963-1965) dan keluarnya Singapura daripada Malaysia (1965). Usaha-usaha untuk memelihara hubungan dengan negara jiran terbukti melalui beberapa perjanjian. Malaysia telah menandatangani perjanjian menubuhkan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) pada tahun 1961 bersama-sama Thailand dan Filipina, MAPHILINDO pada tahun 1962 bersama-sama Indonesia dan Filipina serta ASEAN pada tahun 1967 bersama-sama Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura.

Faktor ekonomi pula memperlihatkan pergantungan Malaysia kepada Britain dalam menjaga kepentingan ekonomi negara ini. Pertama, hal ini disebabkan Malaysia merupakan anggota blok sterling yang menjalankan urusan perdagangan dalam nilai mata wang paun sterling. Kedua, Malaysia masih memberikan tumpuan kepada dua hasil utamanya, iaitu bijih timah dan getah dengan mengharapkan sepenuhnya permintaan daripada negara Barat termasuk Britain. Ketiga, pelabur Britain masih

menguasai peratus yang besar dalam ekonomi Malaysia terutama dalam bidang perladangan dan perindustrian.

Bagi mengurangkan pergantungan ini, Malaysia yang mengamalkan pasaran bebas mula membina rangkaian perdagangan dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, Jepun, Singapura dan Jerman Barat bagi mengurangkan pergantungan kepada Britain dan bagi mencari pasaran baru.

## **(ii) Tahap Kedua :Tun Abdul Razak (1972-1976)**

**:Tun Hussein Onn(1976-1981)**

Menjelang tahun 1970-an, dasar luar Malaysia mula berubah kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. Perubahan dasar luar ini disebabkan kurangnya peranan yang dimainkan oleh AMDA dan kurangnya pengaruh Britain di Timur. Perubahan dasar ini juga disebabkan oleh pergolakan yang berlaku di Vietnam yang melibatkan dua kuasa besar, iaitu Amerika Syarikat dan China.

Bagi mencapai matlamat dasar luar Malaysia, beberapa usaha telah dilakukan seperti mengisytiharkan konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) bersama-sama dengan anggota negara ASEAN. Malaysia juga telah menjalin hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Mongolia. Malaysia turut mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976. Masalah pelarian Vietnam di Malaysia dapat diatasi dengan kerjasama negara-negara jiran

## **Tahap Ketiga :Tun Dr Mahathir Mohamad(1981-2003)**

Tahap ini masih mengekalkan dasar-dasar tahap kedua tetapi memberikan penekanan kepada kepentingan ekonomi yang berkaitan dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan pembangunan terutama dalam kalangan negara membangun. Bagi mencapai matlamat tersebut, Malaysia telah mengadakan hubungan yang lebih erat dengan negara-negara ASEAN seperti menyelesaikan krisis Vietnam dan Kampuchea.

Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan pada tahun 1982 dengan menggunakan Jepun dan Korea Selatan sebagai model bagi membangunkan negara Malaysia. Dasar ini bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia mengambil dan

menerima pakai nilai-nilai yang baik seperti semangat mencintai negara, kesungguhan dalam pekerjaan dan etika pengurusan kerja yang baik.

Malaysia juga telah mempertingkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain menerusi lawatan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara Afrika, Amerika Selatan, Caribbean dan Pasifik Selatan. Dalam setiap misi lawatannya, misi perdagangan Malaysia akan turut serta dan menandatangani perjanjian perdagangan dua hala yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Malaysia menjalin hubungan politik dan perdagangan dengan negara maju dan negara dunia ketiga.

#### **4. Peranan Malaysia dalam pertubuhan peringkat antarabangsa**

##### **(a) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**

Melalui PBB Membantu **menyelesaikan konflik antarabangsa**. Contohnya sejak tahun 1960, Malaysia telah dipilih **menyertai pasukan pengaman** di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan **perang saudara di Congo** dan pada tahun 1990 an, Malaysia juga telah **menghantar pasukan pemerhati** ke sempadan Iran-Iraq dan Kampuchea serta menghantar pengaman ke Bosnia. Selain itu, Malaysia juga **lantang bersuara di PBB dalam menentang dasar apartheid** di Afrika Selatan dan **menyarankan Benua Antartika** menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik bersama. Seterusnya, melalui PBB Malaysia telah mengadakan **kerjasama dalam bidang sains dan teknologi** di

bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-Bangsa Bersatu atau UNESCO. Di samping itu, Malaysia juga telah **berkerjasama dan menyertai beberapa agensi di bawah PBB**. Contohnya kerjasama dalam bidang pengeluaran makanan di bawah agensi Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

##### **(b) Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC)**

Seterusnya, Malaysia juga memainkan peranan penting dalam **memelihara keamanan dan kedaulatan dunia** melalui penganjuran **persidangan menentang pengganas dalam** kalangan negara Islam melalui OIC pada tahun 2002. Malaysia juga berpendirian tegas dalam mendesak PBB menjalankan usaha menyelesaikan **masalah Palestin** dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur. **Tawaran biasiswa** juga diberikan kepada para pelajar

dari negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antrabangsa Malaysia (UIAM). Seterusnya peranan Malaysia **membantu negara-negara lain** misalnya, memberikan bantuan kepada negara-negara Islam yang menghadapi masalah seperti **menghantar pasukan perubatan** ke Lubnan, Bosnia dan Afghanistan. **kewangan** juga diberikan kepada negara-negara Islam yang kurang maju seperti Sudan, Nigeria dan Chad. Sementara itu, **peranan Malaysia dalam OIC** ialah Malaysia **mengesyorkan penggunaan dinaremas di kalangan negara Islam** untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi yang lain.

### **(c) Komanwel**

Dalam bidang **pendidikan**. Malaysia telah bekerjasama dengan negara-negara Komanwel dengan menyediakan bantuan teknikal dan biasiswa dalam bidang pendidikan melalui **Rancangan Colombo**.

Kerjasama dalam bidang sukan telah dicapai melalui **penganjuran sukan Komanwel** yang bertujuan mengeratkan hubungan di kalangan negara anggota misalnya **Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk sukan pada tahun 1998**.

Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) telah diadakan di KL pada 1989. Melalui mesyuarat ini Deklarasi Langkawi telah diisytiharkan dalam mengawal masalah pencemaran. Selain itu eksport Malaysia ke Britain dikenakan cukai yang rendah.

### **(d) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)**

Malaysia juga telah mengadakan kerjasama ekonomi dengan negara anggota **Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)**. Malah, Malaysia telah membuat beberapa usul bagi membela kepentingan negara-negara sedang membangun. Malaysia juga telah menjadi tuan rumah yang ke-13 pada tahun 2013. Dalam siding kemuncak NAM ini Berjaya mencatatkan penyertaab tertinggi iaitu 63 buah negara. Selain itu Berjaya mendaftarkan du negara anggota baru iaitu Timur Leste dan Pulau Catalina.

### **(e) Negara-Negara Selatan**

Melalui **kerjasama Malaysia dengan Negara-Negara Selatan**, dapat mengatasi **masalah harga eksport bahan –bahan mentah** serta meningkatkan kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara anggota tanpa bergantung kepada negara-negara maju. Contohnya penubuhan Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur dan penubuhan Sistem Keistimewaan Perdagangan Global (GSTP) serta penubuhan kemudahan kredit dan mekanisme kewangan pembiayaan perdagangan.

### **5. Sejauh manakah dasar luar yang telah diamalkan oleh pemimpin-pemimpin negara mencapai matlamat yang diharapkan?**

#### **(a) Menjamin keselamatan dan kedaulatan negara**

Melalui **dasar berkecuali**, Malaysia berbaik-baik dengan semua negara samaada negara-negara kapitalis atau negara-negara komunis. Hal ini membuktikan Malaysia tiada permusuhan dengan mana-mana negara. Segala masalah dapat diselesaikan melalui rundingan dan diplomasi.

Berbaik-baik dengan **negara Komanwel** seperti Britain, Australia, Kanada dapat bantuan menghadapi ancaman Komunis khasnya dari Parti Komunis Malaya. Selain itu berjaya mengatasi Konfrantasi Indonesia dan bantu menyelesaikan isu pembentukan Malaysia.

Melalui pertubuhan **ASEAN**, konsep ZOPFAN berjaya mewujudkan kestabilan dan keamanan di rantau ini termasuk di negara kita. Hal ini kerana negara-negara ASEAN berikrar tidak bersekongkol mana-mana blok dunia atau kuasa besar. ASEAN juga telah mengisytiharkan kawasan Asia Tenggara bebas senjata nuclear.

Kerjasama dengan negara-negara serantau seperti dengan Indonesia dan Filipina dapat membanteras **ancaman keganasan** merentasi sempadan seperti *ancaman Daeish* di Asia Tenggara. Selain itu Ancaman kumpulan militan Abu Sayaff dari Selatan Filipina juga dapat dibendung di perairan Sabah. Hal ini kerana adanya kerjasama dengan Filipina. Seterusnya Filipina telah membantu Malaysia dalam menghadapi pencerobohan Sulu di Lahad Datu Sabah.



## **(b) Kemajuan ekonomi**

Hubungan baik-baik dengan negara luar berjaya menarik pelaburan asing. Contohnya ramai pelabur dari China dan Singapura melabur dalam Projek Iskandar di Johor. Banyak syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat dan Jepun telah menanam modal yang besar di negara kita. Contohnya Syarikat Intel dan Western Digital dari Amerika Syarikat. Hal ini dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan serta menambahkan pendapatan negara. Selain itu dapat membangunkan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, elektrik dan ais. Contohnya di kawasan Bayan Lepas di Pulau Pinang.

Melalui dasar negara yang liberal, kita dapat membawa masuk tenaga kerja separa mahir dan tidak mahir dari luar. Ini dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di negara kita hari ini. Contohnya tenaga kerja dari Indonesia memberi sumbangan membangunkan sektor pembinaan dan perladangan.

Selain itu kemasukan tenaga kerja mahir dan professional dari negara luar dapat membantu kemajuan sektor perkhidmatan. Contohnya pakar-pakar IT dari India dan jurutera dari Jepun dan Korea Selatan.

Seterusnya tenaga kerja mahir seperti jururawat dari negara kita mendapat peluang pekerjaan di Timur Tengah dengan gaji yang lumayan. Selain itu banyak pekerja kita bekerja di Singapura. Hal ini dapat membawa kepada pengaliran masuk wang asing ke negara kita.

## **(c) Warga global yang bertanggungjawab**

### **(i) Bantuan Kemanusiaan**

Malaysia menghantar bantuan makanan, pakaian, ubat-ubatan kepada negara yang menghadapi ancaman peperangan dan bencana alam. Contohnya gempa bumi di Iran serta bencana tsunami di Aceh Indonesia. Seterusnya melalui Pasukan MERCY Malaysia menghantar bantuan kepada rakyat Palestin.

### **(ii) Misi Keamanan**

Selain itu Malaysia berperanan menjaga keamanan dunia dengan melibatkan diri dalam **misi-misi keamanan** di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Contohnya Malaysia telah menghantar tentera pengaman, pendamai ke Congo, Bosnia, Somalia, Sierra Leone, Namibia dan Kampuchea. Ini membuktikan Malaysia memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik antarabangsa.

Seterusnya Malaysia amat peka dengan isu **keamanan di Asia Barat**. Hal ini kerana Israel menceroth tanah air Palestin yang menyebabkan pengorbanan nyawa dan harta benda di negara tersebut. Denga ini Malaysia mendesak PBB menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur

## **6. Sebab dasar luar Malaysia berubah dari masa ke semasa**

### **(i) Perubahan kepimpinan**

Perubahan ini kerana mengikut dasar seseorang pemimpin ketika itu. Contohnya **Tunku Abdul Rahman** pro Barat dan anti Komunis. Hal ini kerana Malaysia menghadapi ancaman Parti Komunis Malaya yang memerlukan bantuan negara Komanwel seperti Britain dan Australia.

**Ketika Tun Abdul Razak** pula mengamalkan dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. Malaysia mula mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis seperti Vietnam dan China.

**Ketika Dr.Mahathir** Mohammad pula penekanan kepada kepentingan ekonomi dalam bentuk dua hala. Beliau memberi penekanan kepada Dasar Pandang Timur iaitu Jepun dan Korea Selatan memainkan peranan dalam kemajuan ekonomi negara dengan kemasukan modal dan kepakaran teknologi.

**Perdana Menteri Dato seri Najib Tun Razak** meneruskan dasar-dasar pemimpin terdahulu seperti mementingkan kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN dengan mengadakan Persidangan Ketua-Ketua Negara ASEAN (ASEAN SUMMIT). Beliau menjalinkan hubungan duahala dengan rakan-rakan dagangan seperti China, Jepun dan Singapura.

### **(ii) Kepentingan Ekonomi**

**Tunku Abdul Rahman** telah mengadakan hubungan erat dengan Britain dan Amerika Syarikat untuk pemasaran getah dan bijih timah yang menjadi hasil utama negara ketika itu. Selain itu kemasukan pelaburan dari Britain dan Amerika Syarikat yang menguasai sektor perladangan di negara kita.

#### **Tun Abdul Razak**

Menjalinkan hubungan ekonomi dengan semua negara samaada komunis atau kapitalis. Mula menjalinkan hubungan ekonomi dengan China.

### **Dato Seri Dr.Mahathir bin Mohammad**

Menjalinkan hubungan perdagangan dengan Asia Timur dan Negar-Negara dunia ke-3 seperti Amerika Selatan dan Afrika. Negara-negara ini mula menjadi pasaran baru kepada negara kita. Selain itu kemasukan modal khasnya dari Jepun dan Korea Selatan ke negara kita.

### **Perdana Menteri Dato seri Najib Tun Razak**

Mengutamakan hubungan dua hala dengan negara-negara ASEAN. ASEAN dijadikan pasaran utama negara kita. Beliau juga meneruskan hubungan perdagangan dua hala dengan negara-negara Asia Timur iaitu Jepun, Korea Selatan dan China.

## **7. Mengapakah dasar luar yang mementingkan kemajuan ekonomi lebih penting pada hari ini**

### **(i) Pelaburan asing**

Melalui hubungan baik dengan negara luar pelabur-pelabur asing berminat untuk melabur di negara kita. Contohnya dari negara Jepun, Korea Selatan dan negara-negara Timur Tengah. Ini membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara. Ini membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Contohnya Kilang Western Digital dari Amerika Syarikat. Ini meningkatkan pendapatan rakyat tempatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat. Keadaan ini turut mengurangkan kadar kemiskinan dan kadar pengangguran di negara kita. Seterusnya pelaburan asing ini membantu meningkatkan sumber pendapatan negara kita. Hal ini berlaku melalui pembayaran cukai dan levi.

Melalui pembukaan kilang-kilang ini dapat menghasilkan barang-barang pengguna yang lebih murah, ini dapat mengurangkan pergantungan barang import dari luar negara. Ini seterusnya menyebabkan kos barang menjadi lebih murah dan rakyat mampu membeli barang-barang tersebut. Contohnya industri automobil.

### **(ii) Tenaga buruh**

Melalui dasar negara yang liberal, kita dapat membawa masuk tenaga kerja separa mahir dan tidak mahir dari luar. Ini dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di negara kita hari ini. Contohnya tenaga kerja dari Indonesia memberi sumbangan membangunkan sektor pembinaan dan perladangan.

Selain itu kemasukan tenaga kerja mahir dan professional dari negara luar dapat membantu kemajuan sektor perkhidmatan. Contohnya pakar-pakar IT dari India dan jurutera dari Jepun dan Korea Selatan.

Seterusnya tenaga kerja mahir seperti jururawat dari negara kita mendapat peluang pekerjaan di Timur Tengah dengan gaji yang lumayan. Selain itu banyak pekerja kita bekerja di Singapura. Hal ini dapat membawa kepada pengaliran masuk wang asing ke negara kita.

## **8.Peranan / sumbangan Malaysia dalam menjaga keamanan dunia melalui dasar luarnya**

**Menjamin kedaulatan negara.** Malaysia telah mengamalkan **dasar terbaik-baik** dengan semua negara. Hal ini menyebabkan tiada permusuhan dengan mana-mana negara di dunia. Melalui **dasar berkecuali** Malaysia tidak berpihak mana-mana kuasa besar dunia seperti samaada Amerika Syarikat ataupun China dan Rusia yang boleh mencetuskan konflik antarabangsa.

Selain itu melalui konsep **ZOPFAN** dapat mengekalkan keamanan serantau.Hal ini kerana sebarang konflik antara negara-negara anggota dapat diselesaikan melalui semangat ASEAN. Contohnya isu hak ke atas Pulau Batu Putih dengan Singapura dapat diselesaikan melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa.Ini membuktikan Malaysia mementingkan pendekatan rundingan.

Selain itu Malaysia berperanan menjaga keamanan dunia dengan melibatkan diri dalam **misi-misi keamanan** di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Contohnya Malaysia telah menghantar tentera pengaman, pendamai ke Congo, Bosnia, Somalia, Sierra Leone, Namibia dan Kampuchea. Ini membuktikan Malaysia memainkan peranan penting dalam menyelesaikan konflik antarabangsa.

Seterusnya Malaysia amat peka dengan isu **keamanan di Asia Barat**. Hal ini kerana Israel menceroth tanah air Palestin yang menyebabkan pengorbanan nyawa dan harta benda di negara tersebut. Denga ini Malaysia mendesak PBB menyelesaikan masalah Palestin dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

Selain itu Malaysia juga bersuara lantang menentang **keganasan dalam kalangan negara-negara Islam**. Contohnya setelah serangan al-Qaeda ke atas 'World Trade

Centre' di New York Amerika Syarikat, Malaysia telah mengadakan Persidangan menentang penganas dalam kalangan negara-negara Islam pada tahun 2002. Malaysia juga berpendirian teguh menentang keganasan yang dilakukan oleh 'IS' di kebanyakan negara dunia hari ini. Hal ini kerana keganasan mereka ini boleh mengancam keamanan dunia.

## **9. Manfaat / Faedah / Kepentingan yang diperoleh oleh Malaysia daripada dasar luar yang terbaik-baik dengan negara luar.**

### **(a) Faedah Politik**

#### **(i) Komanwel**

Ketika Malaysia menghadapi ancaman **Parti Komunis Malaya**, pertubuhan ini memberi bantuan ketenteraan kepada negara kita. Hal ini kerana Malaysia mempunyai perjanjian pertahanan dengan Britian. Seterusnya Komanwel turut membantu menghadapi **konfrantasi Indonesia**. Dengan ini dasar terbaik-baik dengan Komanwel dapat mengekalkan kedaulatan negara. Seterusnya keanggotaan Malaysia dalam Komanwel memberi peluang kepada negara kita menjadi **tuan rumah** Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur 1989. Hal ini meningkatkan imej Malaysia di persada dunia.

#### **(ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**

Perwakilan Malaysia ke PBB semasa pembentukan Malaysia berjaya menyelesaikan isu pertikaian **pembentukan Malaysia**. Seterusnya di PBB Malaysia berjaya menjadi anggota **Majlis Keselamatan** sebanyak 3 kali. Wakil Malaysia ke PBB Tan Sri Razali Ismail menjadi **Pengerusi Perhimpunan Agung** PBB serta wakil khas PBB untuk menyelesaikan konflik politik Myanmar.

#### **(iii) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)**

Tunku Abdul Rahman diberikan penghormatan untuk menjadi **Setiausaha Agung** OIC yang pertama. Selain itu Malaysia juga telah dipilih untuk menjadi **tuan rumah** Persidangan OIC pada tahun 1974 dan 2003.

#### **(iv) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM)**

Malaysia menjadi **tuan rumah** kepada Sidang Kemuncak NAM yang ke-13 pada tahun 2003. Sidang kemuncak ini mencatatkan **penyertaan tertinggi** dengan kehadiran 63 buah negara ahli, iaitu 31 Ketua Negara dan 32 Ketua Kerajaan. Selain

sidang kemuncak ini telah berjaya mendaftarkan **dua negara anggota baru** iaitu Timur Leste dan Pulau Catalina. Ini telah mengharumkan lagi nama negara kita.

#### **(iv) ASEAN**

Melalui pengiystiharaan '**ZOPFAN**' dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971 keamanan dan kestabilan politik negara kita terjamin. Malaysia juga telah menjadi **Tuan Rumah** Sidang Kemuncak ASEAN 2015.

#### **(a) Faedah Ekonomi**

##### **(i) Komanwel**

Negara-negara Komanwel seperti Britain, Singapura, India merupakan **pasaran** utama barangan dari Malaysia serta dapat peluang **pelaburan** daripada negara tersebut. Syarikat-syarikat tempatan juga mendapat peluang untuk **melabur** di negara-negara tersebut. Contohnya projek lebuhraya di India telah ditawarkan kepada syarikat Malaysia Hal ini dapat membantu **majukan ekonomi** negara.Khasnya meningkatkan sumber **pendapatan negara** serta memberi peluang **pekerjaan**.

##### **(ii) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)**

Bank Dunia telah memberikan bantuan bagi menjayakan rancangan **FELDA** dan membangunkan prasarana pendidikan dan penyelidikan.Hal ini telah membantu kemasukan **pelabur-pelabur asing** dan ini dapat membasmi kemiskinan di luar Bandar dan menyediakan peluang pekerjaan.

##### **(iii) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)**

**Bank Pembangunan Islam** telah memberi pinjaman bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat. Negara-negara Islam telah menjadi kawasan **pasaran baru** untuk negara kita. Selain itu mereka juga telah **melabur** di negara kita seperti membuka cawangan bank seperti Bank Kuwait.Negara kita juga telah menjadi pilihan utama kepada **pelancong-pelancong** dari negara-negara Islam.

##### **(iii) ASEAN**

ASEAN telah menjadi rakan perdagangan utama dalam **import dan eksport** barangan Malaysia seperti Singapura dan Thailand. Rakyat Malaysia juga mendapat **peluang pekerjaan** di negara-negara ASEAN seperti Singapura. Ini dapat meningkatkan **pendapatan** individu , negara dan kemasukan **wang asing**. Negara kita juga telah menjadi tumpuan utama **tenaga buruh** dari negara-negara jiran

seperti dari Indonesia dalam sektor pembinaan. Hal ini dapat membantu meningkatkan **pembangunan** negara. Kerjasama dengan negara jiran turut dapat memajukan sektor perindustrian negara. Contohnya projek Baja Urea di Bintulu Sarawak. Ini dapat membangunkan kawasan persekitaran Bintulu yang Berjaya meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan.

#### **(iv) Dasar Pandang Timur**

Hubungan baik antara Malaysia dengan Jepun dan Korea Selatan membawa kepada **perkongsian kepakaran** dan pemindahan teknologi yang menguntungkan negara kita. Contohnya dalam bidang **automobil** kereta nasional negara kita menggunakan enjin Mitsubishi Jepun. Selain itu pekerja tempatan berpeluang mengikuti **latihan kemahiran dan teknikal** di Jepun dan Korea Selatan.

#### **(a) Faedah Sosial**

Hubungan baik Malaysia dengan negara-negara luar telah memberi sumbangan kepada **bidang pendidikan**. Pelajar-pelajar dari Malaysia diberi peluang untuk belajar di negara-negara seperti Jepun, Britain, Australia. Hal ini dapat melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing peringkat antarabangsa. Selain itu pelajar-pelajar luar negara seperti Nigeria dan Arab melanjutkan pelajaran di negara kita. Ini turut meningkatkan ekonomi negara kita. Universiti terkenal di dunia seperti Monash, Nottingham telah membuka cawangan di negara kita. Ini telah memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kini Malaysia telah menjadi hab pendidikan yang terkenal di dunia. Seterusnya keadaan ini mengurangkan pelajar kita melanjutkan pelajaran ke luar negara dan menjimatkan pengaliran keluar wang negara serta mengurangkan beban kewangan keluarga mereka.

Seterusnya Malaysia juga berpeluang menganjurkan **sukan** pada peringkat antarabangsa. Contohnya pada tahun 1998 Malaysia telah menganjurkan Sukan Komanwel. Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk Hoki Piala Dunia. Malaysia juga menjadi tuan rumah Piala Thomas dan Piala Uber bagi permainan badminton. Selain itu juga menjadi tuan rumah Sukan Sea beberapa kali. Semua ini telah mengharumkan nama negara peringkat antarabangsa.

**10. Selepas merdeka, dasar luar Malaysia berjaya menaikkan nama negara di persada dunia. Bincangkan**

**ATAU**

**Dasar luar negara berjaya mengetengahkan isu-isu antarabangsa. Jelaskan**

**(a).Memperjuangkan Isu Palestin**

Menyokong Palestin untuk mendapatkan semula tanah air. Hal ini kerana Israel mencerooboh dan menduduki tanah milik rakyat Palestin. Ini telah menggugat kedaulatan Palestin. Pendirian Malaysia adalah menyokong pemeliharaan kedaulatan sesebuah negara. Dengan ini Malaysia menegaskan isu ini dalam PBB dan OIC. Serta telah mengadakan Persidangan Antarabangsa tentang Palestin di Kuala Lumpur.

**(b).Membela hak asasi manusi**

**(i))Menentang dasar Aparteid di Afrika Selatan**

Kerana Malaysia mempunyai pelbagai kaum, maka Malaysia bersuara lantang di PBB dan NAM untuk menentang dasar ini. Hal ini kerana Afrika Selatan tidak menghormati hak asasi manusia dengan membezakan taraf hidup manusia berdasarkan warna kulit. Ini membuktikan Malaysia komited dalam menjaga hak asasi manusia.

**(ii)Mengutuk penindasan kaum Serb terhadap rakyat Bosnia.**

Malaysia mengutuk penindasan kaum Serb yang ingin membuat penghapusan etnik terhadap rakyat Bosnia di PBB

**(iii) Isu Rohingya di Myanmar**

Malaysia mengutuk penindasan kerajaan Myanmar ke atas rakyat Rohingya yang menafikan hak mereka sebagai rakyat Myanmar dan menjadikan mereka sebagai pelarian. Malaysia memberi perlindungan politik kepada mereka

(iv) Malaysia bersama-sama Ireland telah **mengutuk China Komunis** kerana mencabuli hak asasi penduduk Tibet.

(v) Malaysia turut menyelesaikan **masalah pelarian Vietnam** dengan memberikan perlindungan politik di negara kita.



### **(c).Gejala Penyalahgunaan Dadah.**

Malaysia berpendirian teguh terhadap usaha-usaha memerangi gejala penyalahgunaan dadah. Hasil daripada usaha ini, satu persidangan antarabangsa di adakan di Vienna Austria pada 1987. Ekoran ini Perdana Menteri Malaysia Dato Seri Dr.Mahathir Mohammad dilantik sebagai Yang DiPertua persidangan tersebut.

### **(d).Memperjuangkan isu Benua Antartika**

Malaysia menyarankan agar benua Antartika menjadi warisan dunia yang diletakkan di bawah hak milik semua negara.Ini membuktikan Malaysia membela nasib semua negara.

### **(e).Isu Alam Sekitar**

Melalui Deklarasi Langkawi dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Kula Lumpur, Malaysia telah mengetengahkan isu alam sekitar iaitu perlu mengawal pencemaran. Ini membuktikan Malaysia peka kepada kesejahteraan dan keselesaan kehidupan sejagat.

### **(f).Penyertaan Malaysia Dalam Pasukan Pengaman PBB**

Sejak tahun 1960 Malaysia dipilih untuk menyertai pasukan pendamai di bawah panji-panji PBB untuk menamatkan perang saudara di Congo. Seterusnya pada tahun 1989 Malaysia mewakili pasukan pendamai PBB ke Namibia untuk membantu negara itu mencapai kemerdekaan. Selain itu pada tahun 1990-an, Malaysia menghantar pemerhati ke sempadan Iran-Iraq dan Kampuchea serta menghantar pasukan pengaman ke Bosnia.

### **(g).Peranan sebagai orang tengah menyelesaikan konflik antarabangsa**

(i) Konflik Pulau Minadanao, Selatan Filipina.

Misi diplomasi Malaysia di Pulau Mindanao berakhir dengan termeterainya proses damai antara bangsa moro dengan kerajaan Filipina pada 27 Mac 2014.

### **(h).Bantuan Kemanusiaan**

Malaysia menghantar bantuan kemanusiaan seperti makanan, pakaian, ubat-ubatan di bawah MERCY Malaysia ke Palestin, Aceh, Iran, Pakistan dan sebagainya.

## **11. Cadangkan hala tuju dasar luar Malaysia pada masa depan**

**ATAU**

**Cara untuk memantapkan dasar luar negara pada masa hadapan**

### **(a) Politik**

#### **Memperkuhkan hubungan diplomatik**

Malaysia perlu mengadakan hubungan yang lebih erat dengan semua negara tanpa mengira ideologi. Selain itu, Malaysia juga tidak boleh selektif dalam mengadakan hubungan bilateral dan multilateral. Ini akan membantu meningkatkan imej negara di persada dunia. Negara kita perlu membuka kedutaan di semua negara tanpa mengira ideologi.

#### **Mengelakkan konflik antarabangsa**

Malaysia perlu mengekalkan dasar tidak campur tangan dalam politik negara lain. Contohnya Malaysia tidak memberi sebarang bantuan kepada militan Islam di bahagian selatan Thailand. Malaysia menggunakan pendekatan rundingan dan kerjasama. Selain itu, perlu merujuk PBB dalam mengatasi pertikaian yang melibatkan Malaysia dengan negara luar. Seterusnya, Malaysia juga menghormati keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa dalam isu pertindihan hak ke atas Pulau Batu Putih dengan Singapura. Malaysia juga mengambil sikap tunggu dan lihat keputusan PBB dalam isu tututan hak ke atas Kepulauan Sparty oleh beberapa Asia Tenggara dan China.

#### **Dasar Berkecuali**

Dasar berkecuali yang diamalkan oleh Malaysia selama ini juga merupakan satu pendekatan dasar luar yang baik kerana mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara tanpa mengira ideologi.

Ini meningkatkan lagi persefahaman Malaysia dengan negara luar. Pendekatan ini juga membantu negara kita menerima banyak bantuan ekonomi dan kepakaran dari negara lain. Contohnya negara China telah banyak membantu dalam bidang kemasukan pemodalan.

## **(b)Ekonomi**

### **Perjanjian Memorandum Persefahaman(MOU)**

Dalam perhubungan ekonomi pula, Malaysia selalu mengamalkan dasar MOU untuk menarik pelaburan luar negara. Setiap kali apabila pemimipin negara kita membuat lawatan kerja ke negara luar MOU menjadi satu agenda utama untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara kita. MOU juga membuka peluang kepada pelabur Malaysia untuk mendapatkan peluang pelaburan di negara luar. Melalui cara ini pendapatan negara kita dapat ditingkatkan. Seterusnya peluang pekerjaan kepada penduduk negara kita juga diluaskan.

### **Kerjasama perdagangan antarabangsa**

Malaysia juga perlu meningkatkan kerjasama perdagangan antarabangsa. Melalui kerjasama ini Malaysia perlu mengamalkan sikap bersaing di peringkat global dengan memperkenalkan syarat-syarat perdagangan yang berpatutan. Kesannya urusan import dan eksport dapat dipermudahkan lagi dan ini akan meningkatkan lagi perdagangan antarabangsa dan pendapatan negara kita.

### **Dasar Ekonomi Bebas**

Malaysia perlu meneruskan dasar ekonomi bebas dengan memberi taraf perintis kepada negara-negara baru yang melabur dalam pelbagai bidang di negara kita. Disamping itu, negara kita perlu mengamalkan pasaran bebas dengan mengurangkan cukai ke atas barang import dan eksport dari negara luar. Kerajaan juga perlu mengurangkan cukai perkhidmatan dan barangan dari negara lain. Seterusnya Malaysia perlu membantu melaksanakan akta AFTA untuk meningkatkan lagi pasaran ekonomi bebas di rantau ini.

## **(c)Sosial**

### **Mengadakan lawatan**

Pemimpin negara kita perlu kerap mengadakan lawatan ke negara lain untuk memantapkan lagi perhubungan dua hala. Pemimpin negara juga boleh menghadiri acara atau sambutan rasmi negara berkenaan. Contohnya sambutan hari kemerdekaan negara lain

## **Menghantar bantuan kemanusiaan**

Bantuan misi kemanusiaan kepada negara yang menghadapi bencana alam atau perang akan mendekatkan lagi perhubungan antara Malaysia dengan negara penerima. Ini akan meletakkan Malaysia di kedudukan yang tinggi di mata dunia.

## **12. Ramalkan dasar luar negara kita pada masa hadapan.**

### **1.Mengutamakan diplomasi dalam mengatasi konflik antarabangsa**

Malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan semua negara. Selain itu, perlu mengelakkan perlumbaan yang boleh mencetuskan peperangan. Contohnya, Malaysia perlu memperkasakan konsep wasatiah dan kesederhanaan global.

### **2.Bersahabat dengan semua negara tanpa mengira blok**

Malaysia perlu berpegang teguh kepada dasar berkecuali dan berbaik-baik dengan semua negara. Seterusnya, menghormati kedaulatan negara lain dan menyokong usaha keamanan supaya kesejahteraan dunia berkekalan. Malaysia juga perlu berperanan dalam menghapuskan sistem blok dalam ekonomi seperti Kesatuan Eropah (EU).

### **3.Menghulurkan bantuan kepada negara yang memerlukan**

Malaysia terus membantu negara-negara miskin seperti Sudan, Somalia. Boleh mendesak negara kaya (G7) supaya membantu membangunkan semula negara miskin. Contohnya, Malaysia boleh mencadangkan dana yang perlu dikeluarkan oleh negara G7 kepada negara miskin melalui PBB.

### **4.Menghormati kebebasan beragama**

Kebebasan beragama merupakan amalan negara kita yang terdiri daripada pelbagai kaum. Maka Malaysia perlu lantang bersuara terhadap dasar penghapusan etnik dan agama seperti yang berlaku kepada masyarakat Rohingya di Myanmar. Malaysia perlu terus menjadi ahli tetap dalam Majlis Keselamatan PBB dan berpendirian tegas dalam melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit.

### **5. Mengeratkan hubungan dengan negara Islam**

Bagi bertujuan mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam. Malaysia perlu memberi bantuan kepada negara Islam yang menghadapi masalah seperti Bosnia dan Afghanistan. Oleh itu, Malaysia akan mendapat penghormatan daripada negara Islam yang lain kerana memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam.

### **13.Cabaran / Halangan / Ancaman dalam melaksanakan dasar luar Malaysia pada hari ini / era globalisasi**

#### **Politik**

##### **(a) Pencerobohan sempadan antarabangsa**

Isu pencerobohan melahirkan rasa tidak puas hati rakyat Malaysia. Contohnya, pencerobohan tentera udara Singapura di ruang udara Johor. Ini telah mengancam keselamatan negara. Selain itu, isu persempadanan yang menjadi rebutan antara negara juga menyebabkan hubungan menjadi renggang. Contohnya, isu tuntutan bertindih Pulau Batu Putih antara Malaysia dan Singapura. Akibatnya, Malaysia telah kehilangan wilayah yang sebelum ini menjadi hakmiliknya. Hal ini telah mengancam hak dan kedaulatan negara kita. Seterusnya, pencerobohan daratan juga berlaku contohnya pencerobohan Sulu dari Filipina di Lahad Datu juga mencabar hubungan kita dengan Filipina. Tidak ketinggalan juga pencerobohan maritim oleh nelayan asing seperti dari Thailand dan Vietnam di perairan laut kita menyebabkan hubungan baik kita dengan negara jiran tergugat.

##### **(b) Ancaman ekstremis Islam**

Contohnya, Thailand sering menuduh Malaysia melindungi kumpulan pelampau Islam di Selatan Thailand iaitu 'POLO'. Penglibatan warga Malaysia di Syria dan Filipina menyebabkan Malaysia sering dilabelkan sebagai pusat latihan pelampau Islam oleh Amerika Syarikat. Faktor ini turut menyumbang ke arah hubungan yang kurang mesra antara Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

##### **(c) Tuntutan pemisah dengan negara jiran**

Juga mendatangkan masalah kepada negara kita. Ini kerana mereka menjadikan negara Malaysia sebagai tempat mencari perlindungan dari tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa di negara mereka. Selain itu, Malaysia juga diminta menjadi orang tengah dalam menyelesaikan pertikaian ini. Contohnya tuntutan pemisah Moro di Filipina dan pemisah di Selatan Thailand.

##### **(d) Kelonggaran undang-undang di negara jiran**

Kelonggaran undang-undang di negara jiran juga menggugat hubungan kita. Contohnya kelonggaran dari pemilikan senjata api dan pelacuran di Thailand boleh menular ke negara kita. Kemasukan senjata api terutama dari Thailand akan mengancam keselamatan dan ketenteraman negara kita.

### **(e) Kehilangan pesawat MH370**

Isu terbesar yang menjadi cabaran kepada negara kita ialah kehilangan pesawat MH370 telah mengeruhkan hubungan dengan beberapa buah negara luar. Ketidakpuasan hati masyarakat antarabangsa atas tuduhan ketelusan Malaysia dalam merungkai rahsia kehilangan pesawat tersebut telah mengurangkan keakraban Malaysia dengan negara terbabit. Contohnya, China yang merupakan penumpang paling ramai dalam pesawat tersebut sering mempersoalkan tindakan Malaysia terhadap isu tersebut.

## **EKONOMI**

### **(a) Penyeludupan di sempadan negara**

Contohnya, penyeludupan beras dan minyak bersubsidi di sempadan Malaysia-Thailand dan Sarawak-Kalimantan. Hal ini membawa kerugian kepada negara yang terlibat dan menjejaskan hubungan antara negara serantau.

### **(b) Kejatuhan nilai mata wang**

Malaysia terdedah dengan serangan mata wang oleh penyangak mata wang. Hal ini menyebabkan nilai mata wang Malaysia menjadi tidak stabil dan tidak dapat bersaing di pasaran antarabangsa. Akibatnya, pelabur asing terjejas dan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia akan tergugat.

### **(d) Kebergantungan kepada negara maju**

Malaysia terpaksa menjual getah dan kelapa sawit dengan harga yang ditentukan oleh negara pembeli seperti Amerika Syarikat. Akibatnya, Malaysia kurang menjalinkan hubungan dengan negara-negara sedang membangun.

## **SOSIAL**

### **(a) Jenayah merentasi sempadan**

Contohnya, penyalahgunaan dan penyeludupan dadah. Pengedar dadah menjadikan Malaysia sebagai negara transit dan ada dalam kalangan rakyat Malaysia menjadi keldai dadah.

### **(b) Kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI)**

Kemasukan pendatang asing dari Indonesia, Bangladesh, Vietnam dan Nepal telah merengangkan hubungan antara negara-negara terbabit. Hal ini kerana kemasukan buruh asing telah membawa kepada peningkatan masalah sosial di negara kita seperti kes pembunuhan di Pasar Borong Selayang. Selain itu, mewujudkan

kebergantungan kepada pekerja asing dalam pelbagai sektor ekonomi seperti pembinaan dan perladangan.

Terdapat juga pelarian politik dari negara jiran terutama pelarian politik Rohingya dari Myanmar.

#### **(c) Isu pertindihan kebudayaan**

Isu bertindih tuntutan bersama berkaitan kebudayaan terutama dalam nyanyian dan tarian pendet. Isu nyanyian dan tarian ini telah dibangkitkan oleh Indonesia yang mendakwa Malaysia merompak hasil seni mereka.

#### **(d) Masalah pembakaran terbuka dan jerebu**

Pembakaran hutan secara terbuka di Sumatera, Indonesia mengakibatkan masalah pencemaran udara dan mengancam kualiti udara di negara kita. Selain itu, menjejaskan kesihatan rakyat Malaysia. Akibatnya, timbul isu tuduh menuduh antara negara serantau

#### **(e) Krisis kemanusiaan**

Dasar perlindungan Malaysia ke atas pelarian Rohingya di Myanmar telah menyebabkan hubungan antara kedua-dua negara itu menjadi tegang.

(e) Masalah pemerdagangan manusia, haiwan, senjata api dan mercun

Kebanyakan barang terlarang yang masuk ke negara kita ialah dari negara jiran terutama yang bersempadan dengan negara kita seperti Thailand.

### **14. USAHA / LANGKAH / CARA DALAM MENGATASI CABARAN**

#### **(a) Penyelesaian melalui mahkamah antarabangsa**

Kedua-dua negara yang menghadapi krisis boleh menjalankan penyelesaian dengan merujuk kepada mahkamah antarabangsa. Sekiranya semua negara mematuhi peraturan dan keputusan yang ditetapkan maka keamanan dunia berjaya diwujudkan. Ini juga dapat memulihkan semula hubungan yang baik.

Selain itu, masalah pencerobohan sempadan antarabangsa dapat diatasi dengan mengetatkan penggunaan ruang udara oleh Singapura.

**(b) Mengadakan perundingan peringkat menteri.** Contohnya Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN. Dalam mesyuarat tersebut beberapa isu yang boleh menggugat kerjasama dapat dibincang dan diselesaikan.

(c) **Masalah jenayah sempadan** dapat diatasi dengan kerjasama pasukan keselamatan negara ini dengan negara jiran. Contohnya menubuhkan APPM, UPP dan ESCOM. Kerjasama ini dapat menghalang kemasukan barangan terlarang seperti senjata api, haiwan dan lain-lain lagi.

(d). Selain itu, boleh menugaskan beberapa **pasukan penguatkuasaan** keselamatan untuk menjaga perairan antarabangsa dan 262 pintu masuk sempadan negara seperti pasukan Maritim Tentera Laut Diraja Malaysia dan Polis Laut Diraja Malaysia. Melaluinya, gejala penyeludupan, pemerdagangan manusia dapat dikawal.

(e) Pihak berkuasa Malaysia dan Filipina boleh **menjalinkan perkongsian risikan**. Dengan ini, dapat membanteras ancaman penganas di Lahad Datu dan boleh mengeratkan hubungan Malaysia dengan Filipina.

(f). Perlu mengelakkan **kebergantungan dengan negara maju** dengan mengadakan kerjasama dengan negara Asia Tenggara. Dengan ini, kebergantungan dapat dikurangkan demi menjaga kepentingan bersama.

(g). **Masalah kejatuhan nilai mata wang** boleh diatasi jika menyelaraskan penggunaan mata wang USD bagi memudahkan urusan perdagangan. Selain itu, Malaysia perlu mencari medium perantara lain sebagai alat pertukaran untuk berurusan seperti dinar emas. Ini dapat mengeratkan hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam.

(h). **Kebanjiran pendatang tanpa izin (PATI)** dapat diatasi dengan menghantar mereka balik ke negara asal. Selain itu, boleh mengadakan dasar pemutihan PATI. Seterusnya, pihak kerajaan dan majikan perlu mengutamakan rakyat tempatan untuk memenuhi sektor pekerjaan.

(i). Mengadakan rundingan dalam mengatasi masalah jerebu merentas sempadan. Jabatan Alam Sekitar kedua-dua buah negara perlu bekerjasama untuk mengekang pembakaran terbuka. Ini akan membantu menjaga hubungan yang sihat dengan negara jiran.



## **15. Iktibar daripada dasar luar Malaysia**

### **Politik**

Iktibar yang perlu diamalkan ialah kita harus mengukuhkan semangat kerjasama dengan negara-negara jiran supaya dapat menjamin keselamatan negara dan kestabilan politik negara. Hal ini seterusnya dapat mengekalkan kedaulatan negara kita. Kerjasama yang erat dalam politik boleh membanteras jenayah merentasi sempadan dan kegiatan penyeludupan. Dengan ini hubungan diplomatik yang diamalkan selama ini membantu meningkatkan pertahanan negara kita.

Dasar luar yang diamalkan oleh negara kita selama ini telah berjaya mengeratkan hubungan dengan hampir semua negara dunia dan membantu kita pada masa getir. Buktinya ialah ketika negara menghadapi masa yang sangat genting dalam isu kehilangan MH370 hampir dua puluh negara menghulurkan bantuan dalam misi pencarian pesawat itu.

Kita juga harus mencontohi ketokohan para pemimpin negara yang memberi sumbangan besar dan mewakili negara dalam pertubuhan antarabangsa. Pemimpin Malaysia telah berani mempertahankan hak dan maruah bangsa dalam persidangan antarabangsa. Seterusnya pemimpin juga sentiasa sedia menerima perubahan bagi memastikan negara tidak ketinggalan dalam arus globalisasi. Dasar pemimpin yang mengamalkan pendekatan rundingan dalam menyelesaikan pertelingkahan antara negara perlu dicontohi oleh generasi muda hari ini demi menjaga imej negara kita.

Rakyat negara kita juga perlu mengambil iktibar daripada kekacauan dan peperangan yang berlaku di negara lain dengan mengukuhkan perpaduan kaum demi menjamin keamanan negara kita.

### **Ekonomi**

Iktibar seterusnya ialah negara kita perlu mengutamakan kemakmuran ekonomi dalam dasar luarnya. Antaranya kita perlu meningkatkan kerjasama ekonomi antara negara dunia. Seterusnya perlu mengamalkan dasar mesra pelabur untuk menarik lebih ramai pelabur asing. Ini akan menguatkan lagi persaingan Malaysia di persada antarabangsa. Seterusnya kerjasama ekonomi juga membantu pertukaran teknologi dan teknikal dalam sektor perindustrian negara. Hal ini dapat membantu Malaysia menjadi negara industri yang maju menjelang tahun 2020. Kerjasama ini juga dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara kita dan kemakmuran bersama.

Kita banyak bergantung kepada negara jiran untuk mendapatkan sumber makanan dan bekalan barang keperluan harian. Kita juga amat bergantung kepada negara-negara jiran untuk mendapatkan sumber tenaga buruh. Oleh itu kita perlu mengamalkan dasar baik-baik dengan semua negara.

## **Sosial**

Penglibatan Malaysia dalam bidang sukan seperti sukan Komanwel, Sukan Olimpik, Sukan SEA menunjukkan kita mementingkan semangat perpaduan dan kerjasama melalui sukan. Seterusnya membantu memantapkan lagi mutu sukan negara. Penyertaan dalam sukan-sukan ini secara tak langsung berjaya menaikkan nama negara di peringkat antarabangsa. Pemenang dalam sukan ini membuktikan slogan Malaysia Boleh menjadi suatu kenyataan.

Dalam bidang pendidikan pula, berlaku pertukaran pelajar antara negara. Hal ini dapat memahami budaya, dan cara hidup pelajar negara lain. Ini dapat mewujudkan sikap liberal dalam kalangan masyarakat negara kita. Ini seterusnya dapat mewujudkan persefahaman anata kaum.

Seterusnya hasil dasar luar yang baik dengan semua negara, Malaysia juga menerima bantuan kemanusiaan seperti dari negara Taiwan ketika musibah banjir di Pantai Timur pada tahun 2014. Ini membuktikan dasar setia kawan Malaysia terpelihara.

Dasar Malaysia yang mementingkan keadilan sejagat perlu dijadikan iktibar oleh negara lain. Perjuangan Malaysia menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan dan Isu Palestin membuktikan Malaysia komited terhadap isu-isu yang tidak adil yang berlaku di dunia. Ini menunjukkan Malaysia peka dalam memperjuangkan hak asasi manusia.

## **16.RUMUSAN / KESIMPULAN**

### **(a) Pengetahuan**

Pengetahuan yang diperoleh ialah dasar luar Malaysia dibentuk berasaskan kepentingan yang membawa kebaikan kepada negara. Tetapi inanya berubah-ubah mengikut kepimpinan

Malaysia mengamalkan dasar baik-baik dengan semua negara bagi memperjuangkan keamanan dunia dan kedaulatan negara kita. Selain itu kemajuan ekonomi negara juga bergantung kepada dasar yang mantap.

### **(b) Nilai / Unsur Patriotisme**

Sentiasa bersikap toleransi agar sebarang perbalahan dapat diselesaikan dengan baik. Keadaan ini boleh mewujudkan keamanan dunia.

Sikap kerjasama perlu ada antara pemimpin dunia bagi memastikan kemajuan ekonomi dinikmati bersama

Kita mestilah menanamkan semangat cinta akan keamanan bagi menjaga keharmonian hidup.

Pemimpin harus memiliki semangat jati diri yang mantap agar tidak menimbulkan sebarang isu yang menimbulkan pertikaian dan perselisihan.

Kita perlu sedia berkorban dalam mempertahankan kedaulatan dan maruah negara agar negara luar terus menghormati Malaysia.

### **(c) Harapan**

Segala bentuk dasar luar yang telah bentuk dan akan dilaksanakan akan merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi negara yang maju dan makmur.

Rakyat di negara ini akan menghargai usaha-usaha yang telah dilakukan oleh para pemimpin agar negara kita terus aman dan harmoni.

Semua negara di dunia perlu saling menghormati bagi memastikan dunia kekal aman dan selamat untuk didiami.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu memainkan peranan dengan lebih berkesan bagi mengatasi isu antarabangsa.

WWW.ANDREWCHOE.COM